



ZAFARINA BINTI DOL PSZ <zafarina@utm.my>

[utmlib-staff-group] PELAKSANAAN PROGRAM "FREE FOOD FOR STUDENTS@UTM LIBRARY", BANGUNAN PERPUSTAKAAN SULTANAH ZANARIAH, UTM JOHOR BAHRU

1 message

NORAZALINA BINTI A SAMAD PSZ <norazalina@utm.my>

Tue, Nov 1, 2022 at 4:19 PM

To: UTMLIB-STAFF-GROUP <utmlib-staff-group@utm.my>

Assalamualaikum Wr. Wbt.,

Tuan/Puan/Saudara/i,

**PELAKSANAAN PROGRAM *FREE FOOD FOR STUDENTS@UTM LIBRARY*
BANGUNAN PERPUSTAKAAN SULTANAH ZANARIAH, UTM JOHOR BAHRU**



Dengan hormatnya saya merujuk kepada keputusan yang telah dibuat oleh Pengurusan Jabatan Perpustakaan UTM (JPUTM) di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Bakat dan Pelan Penggantian (PBPP) Jabatan Perpustakaan UTM Bil. 5/2022 pada 12 Oktober 2022 dan perkara di atas adalah berkaitan.

2. Cakna isu kenaikan harga barang yang turut memberi impak terhadap kuasa beli pelajar terutamanya bagi keperluan makanan harian, JPUTM akan melaksanakan program *FREE FOOD FOR STUDENTS@UTM LIBRARY* seperti ketetapan berikut:

Hari : Setiap hari Selasa
Tarikh : Bermula pada 1 November 2022
Masa : 9.00 pagi
Tempat : Foyer, Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah, UTM Johor Bahru

3. Sehubungan dengan itu, pihak jabatan amat berbesar hati mempelawa dan mengalu-alukan seluruh warga JPUTM untuk sama-sama menghulurkan sumbangan bagi melaksanakan program ini. Sumbangan yang diperlukan dan diterima adalah berupa makanan atau minuman sahaja seperti berikut:

- i) Makanan basah/berat – pelbagai jenis nasi, pelbagai jenis mee, kuih muih dan buah-buahan yang telah siap dipaketkan secara individu dan dipastikan tidak berlaku kebocoran pada bekas makanan;
- ii) Makanan kering – roti/biskut, dan
- iii) Minuman – air botol/kotak/tin sahaja.

4. Berikut adalah tatacara penyerahan sumbangan, iaitu:

- i) Tempahan slot akan dibuka setiap hari Ahad dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang;
- ii) Bilangan sumbangan tidak dihadkan;
- iii) Masa serahan sumbangan makanan basah/berat adalah pada hari Selasa dari jam 8.00 hingga 8.30 pagi, dan
- iv) Serahan bagi sumbangan kering dan minuman botol/kotak/tin adalah dua (2) hari sebelum hari Selasa.

5. Serahan sumbangan atau sebarang pertanyaan berkaitan program boleh diserahkan/dimajukan kepada AJK program yang terlibat iaitu:

- i) **Pn. Uji Rohani binti Ahmad**
Pejabat Pentadbiran Ketua Pustakawan
H/P: 018-3748839
- ii) **Pn. Norazalina binti A Samad**
Seksyen Pentadbiran & Korporat
H/P: 012-7364206
- iii) **Pn. Sapiah binti Abd Rahiman**
Seksyen Perkhidmatan
H/P: 013-7335052
- iv) **Pn. Sakinah binti Ismail**
Seksyen Penyelidikan
H/P: 019-7263147
- v) **Pn. Nurul Jannah binti Roslan**
Seksyen Pentadbiran & Korporat
H/P: 019-9411182

Diharapkan semoga niat murni, keperhatian serta inisiatif warga JPUTM dalam menyantuni kebajikan pelajar ini dapat meringankan beban golongan ini dalam meneruskan kehidupan sebagai mahasiswa di dalam kampus.

Sekian, untuk perhatian dan tindakan tuan/puan/saudara/i selanjutnya. Jazakumullah khairan kathir terlebih dahulu diucapkan kepada semua penyumbang dan semoga Allah SWT membalas segala kebaikan tuan/puan/saudara/i dengan sebaik-baik ganjaran. Insyaa-Allah.

b/p Timbalan Ketua Pustakawan (Perancangan & Pembangunan)
Merangkap Pengarah Program
Jabatan Perpustakaan UTM

"Wawasan Kemakmuran Bersama 2030"
"Berkhidmat untuk Negara kerana Allah"

Saya yang menjalankan amanah,



Norazalina Binti A Samad (Puan)

Pembantu Khas Timbalan Ketua Pustakawan

- Perancangan & Pembangunan
- Perkhidmatan

Jabatan Perpustakaan
Universiti Teknologi Malaysia
81310 UTM Johor Bahru, Johor

Office: +607-5530164 | Mobile: +6012-7364206

Primary Email: norazalina@utm.my | Secondary Email: sayangb537@gmail.com

DISCLAIMER: The information in this e-mail and any attachment(s) transmitted with it ("Message") is intended only for the use of the intended recipient(s) and may contain confidential or privileged information. UTM are not responsible for any unauthorised changes made to the information or for the effect of such changes. You are hereby notified that any action in reliance upon, or any review, retransmission, dissemination, distribution, printing or copying of this Message or any part thereof by anyone other than the intended recipient(s) is strictly prohibited. Any opinions, conclusions and other information in this Message that do not relate to the official business of UTM shall be understood as neither given nor endorsed by UTM. UTM shall not be liable for loss or damage caused by viruses transmitted by this Message.

You received this message because you are subscribed to the Google Groups "UTMLIB-STAFF-GROUP" group.

To unsubscribe from this group and stop receiving emails from it, send an email to utmlib-staff-group+unsubscribe@utm.my.

To view this discussion on the web visit <https://groups.google.com/a/utm.my/d/msgid/utmlib-staff-group/CAMy54ZVUbu5zSdXNzyA-oU6MpDoiJ%2B2DD%3DpyjpsEXpDcXw6TTQ%40mail.gmail.com>.

 Think before you click print - do you really need this e-mail on paper?

FREE FOOD FOR STUDENTS@UTM LIBRARY



Program **Free Food For Students @ Perpustakaan UTM** untuk pelajar telah dilancarkan pada **1 November 2022**. Program diadakan pada setiap hari **Selasa di Bangunan PSZJB** dan setiap hari **Rabu di Bangunan PRZS**. Makanan/minuman adalah hasil sumbangan daripada staf Perpustakaan UTM dan staf dari fakulti/jabatan atau orang perseorangan